



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH DC41 (GURU MATAPELAJARAN AZHARI)**
 - (b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
(Penempatan di Maahad Al Mashoor Al Islami, Jalan Sungai Nipah, Mk. G, 11000, Balik Pulau, Pulau Pinang)
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan
 - (e) Taraf Perkhidmatan : Kontrak
2. Elaun Bulanan -DC41 : - RM1,806.24 (minimum) – RM3,560.08 (maksimum)
 - Elaun Khidmat Awam RM300.00
 - Bantuan Saraan Hidup RM300.00
3. Syarat Lantikan
 - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Diskripsi Tugas : Menjadi tenaga pengajar bagi matapelajaran kurikulum Azhari di Maahad Al Mashoor Al Islami, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

5. Penaklukan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Di Bawah Syarat Skim Perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: www.mainpp.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Permohonan yang berikut akan ditolak:-
- (i) Tidak menggunakan borang permohonan permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
 - (iv) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (v) Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - (vi) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat ; dan
 - (vii) Tidak ditandatangani.

7. PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA;

**Setiausaha,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8 & 9, Menara UMNO,
No.128, Jalan Macalister,
10400 PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **13 Disember 2013**

Catatan Am

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri; dan
- (d) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada lepasan Universiti Al-Azhar, anak Negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.